

## Unjuran agihan nilai kontrak MRT Corp

# RM9.1b kepada Bumiputera

**M**ASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) menaikkan unjuran bagi pemberian nilai kontrak kepada kontraktor Bumiputera kepada RM9.1 bilion membabitkan laluan Sungai Buloh dan Kajang, menjelang hujung tahun, berbanding RM8.6 bilion sebelum ini.

Pengarah Perhubungan Pe-

milik Kepentingan dan Tanahnya, Haris Fadzilah berkata, setakat ini, kontrak bernilai RM8.8 bilion sudah diberikan kepada kontraktor Bumiputera.

“Ia adalah sebanyak 45 peratus daripada keseluruhan nilai kontrak yang diberikan sehingga kini. Jumlah ini melebihi sasaran awal iaitu sebanyak 43 peratus.

“Setakat hari ini, sebanyak 53 pakej kerja bernilai RM19.8 bilion sudah ditawarkan dengan 22 pakej kerja diberikan kepada kontraktor Bumiputera.

“Sebanyak 32 pakej lagi dijangka diagihkan menjelang akhir tahun dengan bahagian Bumiputera berjumlah kira-kira RM321 juta daripada keseluruhan pakej ber-

kenaan,” katanya pada taklimat media di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, semua tender melalui proses penilaian yang menyeluruh yang melalui beberapa peringkat bermula dengan Jawatankuasa Penilaian Tender oleh Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Teknikal Sehenti (OS-TC).